

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 17 OGOS 2020 [ISNIN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan mengenai cadangan penubuhan bank khusus untuk memudahkan proses pinjaman perumahan mampu milik dan kos rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan penubuhan bank ini telah diteliti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama agensi-agensi yang terlibat pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, hasil perbincangan mendapati bahawa cadangan ini tidak praktikal untuk dilaksanakan. Hal ini adalah kerana semua bank komersial turut menawarkan pinjaman perumahan berdasarkan kemampuan pembeli rumah dan kadar faedah pinjaman dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.